

Nasional

Shabudin dilantik Timbalan Menteri JPM

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).

Pejabat Perdana Menteri mengumumkan, pelantikan itu bagi mengambil alih portfolio, Datuk Eddin Syazlee Shith yang kini dilantik Timbalan Menteri Kerja Raya.

Pelantikan itu, selaras dengan Fasal (1) Perkara 43A Perlembagaan Persekutuan dan diperkenankan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Yang Berhormat (Datuk) Eddin Syazlee mengambil alih port-

folio Timbalan Menteri Kerja Raya susulan peletakan jawatan Datuk Dr Shahrudin Md Salleh.

"Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia oleh Timbalan Menteri Persekutuan di hadapan Yang di-Pertuan Agong diadakan pada hari ini (semalam)," menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri.

Dr Shahrudin yang juga Ahli Parlimen Sri Gading meletakkan jawatan pada 4 Jun lalu dengan alasan melakukan ijti-had politik yang kurang tepat, dengan menyertai kerajaan Perikatan Nasional (PN).



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan surat cara pelantikan kepada Shabudin di Istana Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)